

Tokoh PSRM Kedah kembali ke UMNO

ALOR SETAR, Sabtu — Tokoh PSRM Negeri Kedah, Encik Abdul Rahman bin Daud, 48, memasuki UMNO setelah bergiat 18 tahun dalam parti itu.

Sebelum itu beliau ahli UUMNO cawangan Taulang, Kedah Utara, dalam tahun 1959 dan menyertai PSRM tahun 1963.

"Saya meninggalkan PSRM kerana sedar perjuangan parti tersebut tidak mendapat sokongan orang-orang Melayu," katanya.

Beliau kini insaf. Masa, tenaga dan wang ringgit yang dicurahkan kepada parti itu, sia-sia sahaja, tanpa memberi faedah.

Dengan kesedaran itulah beliau meninggalkan PSRM dan menyokong semula perjuangan UMNO pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, yang

melaksanakan dasar Cepak, Bersih dan Amanah.

Dasar tersebut, jelasnya, boleh membawa keamanan dan kemakmuran ke seluruh rakyat di negari ini.

"Saya telah menemui Datuk Seri Dr. Mahathir, sehari sebelum membuang undi di rumah UMNO Jitra dan berikrar memberi sokongan penuh pimpinannya.

"Saya tidak menduga Perdana Menteri dan isterinya, Datin Seri Dr. Siti Hasmah, yang dengan urusan pilihanraya meluangkan masa membenarkan saya menemui mereka dengan penuh mesra," tambahnya.

Encik Abdul Rahman mensifatkan Datuk Seri Dr. Mahathir dan Datin Seri Dr. Siti Hasmah, berjiva rakyat dan sedia menerima slapa sahaja ingin menemui mereka.

"Saya tidak berhasrat

pada mulanya menemui Perdana Menteri kerana saya ketinggalan bus untuk bersama 300 tokoh PAS dari daerah Kubang Pasu untuk membuat ikrar sokongan di rumah Datuk Seri Dr. Mahathir, di Titi Gajah," jelasnya lagi.

Beliau telah menghadiahkan buku kisah pengembaraannya ke seluruh Persekutuan dan Singapura dalam tahun 1959 kepada Datuk Seri Dr. Mahathir dalam pertemuan itu.

Encik Abdul Rahman pernah menjadi Anggota Jawatankuasa PSRM Kedah, Ketua Seksi Penerangan PDSRM Kedah dan jawatankuasan PSRM Pusat dan bertanding atas tiket parti tersebut di kawasan Dewan Undangan Negeri Sungai Petani tahun 1964 dan kawasan Dewan Undangan Negeri Pokok Sena, tahun 1974. Bagaimanapun,